# Hotel Place2Stay @The Mines KUPUTRA dilancar

Oleh Faiz Hamzah

Foto oleh Marina Ismail



SERDANG, 27 Nov – Hotel Place2Stay@The Mines milik penuh Koperasi Universiti Putra Malaysia Berhad (KUPUTRA), yang terletak berhadapan stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) Serdang, di sini, dirasmikan pelancarannya hari ini.

Hotel yang mesra OKU itu mempunyai kapasiti 28 bilik dan boleh ditempah dari harga RM50 hingga RM150 untuk satu malam. Ia dirasmikan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Md Ramli.

Ia merupakan tempat penginapan yang sesuai bagi mereka yang ingin bermalam atas urusan tugasan kerja, mesyuarat dan urusan pembelajaran di institusi pengajian di sekitar Seri Kembangan, Serdang dan Putrajaya.



B1544575935

LIHAT JUGA



Buddies Association UPM Menganjurkan Hari Kebudayaan Malaysia (/berita/buddies_association_upm_menganjurki_kebudayaan_malaysia-46207)



UPM johan Festival Zapin MAKUM buat kali k (/berita/upm_johan_festival_zapin_makum_bu keempat-46181)



Seronok dapat mudahkan perjalanan orang: U (/berita/seronok_dapat_mudahkan_perjalanan _uncle_sri-46165)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
1800 22 5587
+603 8948 7273
@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

Antara kemudahan asas yang disediakan ialah lif, surau dan Wi-Fi percuma. Sistem pengangkutan awam seperti komuter, bas dan teksi yang terletak berhampiran dengan hotel turut memudahkan perhubungan dan pengangkutan untuk ke destinasi urusan masing-masing.



Ketika berucap pada majlis perasmian itu, Datuk Wira Dr. Mohd Hatta berkata inisiatif KUPUTRA menceburi bidang perniagaan perhotelan mampu memberikan pulangan yang baik dalam suasana perniagaan masa kini.

"Pihak kementerian bersedia membantu koperasi kerana koperasi ini telah menunjukkan kesungguhan dalam memantapkan keusahawanannya dan telah mempunyai keahlian lebih 2,000 orang. Ini merupakan satu kejayaan yang amat membanggakan," katanya.

Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dato' Dr. Aini Ideris merakamkan syabas dan tahniah kepada KUPUTRA atas kejayaan memiliki jenama francais Hotel Place2Stay@The Mines.

Katanya, perniagaan mengendalikan Hotel Bajet boleh memberikan pulangan lumayan untuk koperasi, dan ia adalah satu daripada sektor pelancoangan yang diberi fokus dalam Dasar Koperasi Negara.

Hotel Place2Stay@The Mines telah mencapai Occupancy Rate 71% selepas satu tahun beroperasi.

"Sebagai aktiviti perniagaan yang baharu, pencapaian itu berpotensi untuk ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi," katanya.

Turut hadir Pengerusi Ahli Lembaga Koperasi UPM, Dr. Dasrilsyah Syahrial dan Naib Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Meriam Mat Nor. - UPM

Tarikh Input: 04/12/2018 | Kemaskini: 04/12/2018 | hairul_nizam

**PERKONGSIAN MEDIA**

BM

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949)
Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss)
Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937)
UPM online (/footnote/upm_online-38695)
Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

© 2018 Universiti Putra Malaysia

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

B1544575935